

Newspaper	Berita Harian
Date	27 October 2015



Najib meluangkan masa beramah mesra dengan pemilik premis ketika mengadakan lawatan di NU Sentral, Kuala Lumpur, semalam. Yang turut serta Kamalul Ariffin (kanan). (FOTO BERNAMA)

Rebut peluang niaga di pusat beli-belah: PM

BH - 27/10/2015

» Penyertaan peniaga Bumiputera di premis strategik wajar ditingkatkan

Oleh Norhayati Ablah dan Sophia Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur



Najib menandatangani plak sambil diperhatikan Kamalul Ariffin (kiri) ketika merasmikan bangunan Menara 1Sentrum dan Pusat Beli-Belah Nu Sentral di ibu negara, semalam. (FOTO SAIRIEN NAFIS/BH)

Peniaga Bumiputera perlu lebih agresif merebut peluang perniagaan di pusat beli-belah untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, Pusat Beli-Belah Nu Sentral jimpamannya, menawarkan peluang perniagaan kompetitif di lokasi amat strategik.

Justeru, katanya, penyertaan melebihi 20 peratus untuk peniaga Bumiputera di pusat beli-belah itu wajar ditingkatkan bagi memastikan Nu Sentral tampil sebagai antara pusat beli-belah yang didominasi oleh peniaga golongan berkenaan.

Pikat pengunjung "Pembinaan Menara 1Sentrum dan Nu Sentral di kawasan yang begitu strategik iaitu bersebelahan hub peng-

angkutan KL Sentral mampu menjadi pemangkin kepada usaha menarik kehadiran ramai pengunjung.

"Sudah tentu aliran pergerakan orang ramai yang menggunakan pelbagai sistem pengangkutan di KL Sentral akan menjadi daya tarik kepada Nu Sentral dan Menara 1Sentrum," katanya ketika merasmikan bangunan Menara 1Sentrum dan Pusat Beli-Belah Nu Sentral di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Pelaburan Hartanah Berhad (PHB), Datuk Kamalul Ariffin Othman.

Najib berkata, perbualannya dengan beberapa peniaga Bumiputera mendapati kebanyakannya sangat berpuas hati dengan prospek perniagaan

yang berpotensi besar untuk lebih maju.

Ini didorong oleh usaha aktif PHB yang giat mempromosikan dan memberi peluang kepada peniaga Bumiputera menjadi antara golongan terawal membuka premis di Nu Sentral.

Bantuan secara konsisten "Dalam hal ini, saya tegaskan bahawa kerajaan tidak pernah berhenti memberi bantuan secara konsisten dan ada kalanya tindakan yang diambil bukan sesuatu yang popular tetapi perlu dilakukan demi kesejahteraan rakyat" katanya.

Nu Sentral yang beroperasi sejak Mac tahun lalu dengan keluasan 120,773.9 meter persegi, kini menerima 228 juta

pengunjung hingga September lalu.

Dengan 279 lot kedai, prestasi Nu Sentral amat membanggakan kerana berjaya memenuhi kadar penghunian kira-kira 95 peratus. Daripada jumlah itu, 53 premis milik Bumiputera.

Sementara itu, Menara 1Sentrum yang dibina dengan reka bentuk pawaian teknologi hijau, memenuhi Indeks Bangunan Hijau Malaysia.

Bangunan 31 tingkat dengan empat aras bawah tanah itu menempatkan berapa syarikat antarabangsa seperti Agoda International (M) Sdn Bhd, Mead Johnson Nutrition Sdn Bhd, Novo Nordisk Pharma Operation (BAOS) Sdn Bhd dan AmMetLife Insurance Berhad.